

# TOLNADERM LOTION

Tolnaftate (1% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tolnaderm Lotion
2. Bagaimana Tolnaderm Lotion berfungsi?
3. Sebelum mengambil Tolnaderm Lotion
4. Cara menggunakan Tolnaderm Lotion
5. Semasa menggunakan Tolnaderm Lotion
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tolnaderm Lotion
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang TOLNADERM LOTION. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Tolnaderm Lotion berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.

Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan Tolnaderm Lotion

Tolnaderm Lotion digunakan untuk merawat jangkitan kulat seperti kurap badan, jenis kurap di muka dan leher, kaki atlet dan kegatalan.

## Bagaimana Candazole Lotion berfungsi

Tolnaderm Lotion mengandungi bahan-bahan aktif *Tolnaftate*. Setiap botol mengandungi Tolnaftate 1% w/v.

Tolnaftate digunakan dengan spectrum luas untuk merawati kulit jangkitan kulat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

## Sebelum menggunakan Tolnaderm Lotion

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan Tolnaderm Lotion sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada Tolnaftate atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.
- Anda hamil, menyusu anak atau menggunakan kepada bayi, tanya doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Tolnaderm Lotion. Jika anda telah memberitahu kepada doktor atau ahli farmasi, sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi.

### -Sebelum mula mengambil

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda alah (hipersensitif) kepada Tolnaftate atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan Tolnaderm Lotion

### -Berapa banyak harus digunakan

Jangan berikan ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun. Rujuk kepada doktor anda sekiranya anda ingin memberikan

ubat ini kepada kanak-kanak yang berumur bawah 2 tahun.

Jika cara penggunaan Tolnaderm Lotion telah ditetapkan oleh doktor anda, sila ikut arahan doktor.

Jika anda membeli produk ini tanpa arahan cara penggunaan daripada doktor atau ahli farmasi, anda boleh mengikuti cara penggunaan seperti berikut:

- Cuci dan keringkan bahagian jangkitan kulat. Titis dengan merata Tolnaderm lotion di sekitar bahagian yang terjangkit dengan berhati-hati, dua kali atau tiga kali sehari selama 2 hingga 3 minggu.
- Atau selama 4 hingga 6 minggu jika penebalan kulit berlaku.

### -Bila perlu digunakan

Dua kali sehari, pagi dan petang selepas basuh dan keringkan bahagian jangkitan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Rawatan perlu digunakan selama 2 minggu berterusan selepas kehilangan tanda-tanda jangkitan bagi mengelakkan jangkitan semula. Tanda-tanda jangkitan seperti gatal-gatal atau sakit akan berkurangan dalam tempoh beberapa hari walaupun tandanya seperti kemerahan dan bersisik akan mengambil masa yang lama untuk hilang. Sila hubungi doktor anda jika gejala berterusan.

### -Jika terlupa menggunakan

Sapukan losyen ini secepat mungkin dan kemudian terus rawatan anda seperti biasa.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang berkenaan dengan berlebihan penggunaan.

# TOLNADERM LOTION

Tolnaftate (1% w/v)

## Semasa menggunakan Tolnaderm Lotion

### -Perkara yang perlu dilakukan

Untuk lebih berkesan bagi rawatan jangkitan kulat, anda boleh mengikuti langkah-langkah mudah bantu diri seperti berikut:

- Anda tidak digalakkan menggaru walaupun terasa kegatalan di bahagian jangkitan. Menggaru akan mencederakan permukaan kulit dan menyebabkan jangkitan merebak ke bahagian lain.
- Jaga kebersihan di bahagian jangkitan.
- Pastikan bahagian jangkitan kering,, tetapi kurangkan geseran pada permukaan kulit.
- Jangan berkongsi tuala, tikar mandi, dan lain-lain dengan orang lain kerana anda boleh menyebarkan jangkitan kepada mereka.
- Pastikan anda membasuh tangan selepas merawat jangkitan untuk mengelakkan ia daripada merebak.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Tolnaderm Lotion bagi kegunaan luaran sahaja. Losyen ini tidak boleh dimakan. Jika anda dengan tidak sengaja termakan losyen, sila hubungi doktor dengan segera atau hubungi Jabatan Kemalangan and Kecemasan hospital terdekat. Jika anda dengan tidak sengaja terkena losyen di mata atau mulut, bilas segera dengan air dan hubungi doktor anda. Elakkan terkena pada mata dan membran mukus (lapisan melindungi permukaan dalaman atau organ seperti mulut, hidung, rektum(anus) dan vagina).

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhenti menggunakan ubat ini jika anda alah kepada mana-mana bahan-bahan yang disenaraikan.

## Kesan-sesan sampingan

Tolnaderm Lotion boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mendapatnya. Seperti semua ubat-ubatan, sesetengah orang mungkin

alah kepada losyen. Reaksi alahan akan berlaku sekiranya anda alah terhadap losyen ini. Jika anda mengalami reaksi alahan, berhenti menggunakan Tolnaderm Lotion dan beritahu doktor anda dengan segera atau hubungi Jabatan Kemalangan dan Kecemasan hospital terdekat. Tanda-tanda tindak balas alahan mungkin termasuk:

- Ruam.
- Masalah menelan atau pernafasan.
- Bengkak bibir, muka, tekak atau lidah.
- Kelemahan, rasa pening atau pengsan.
- Loya.

Selepas anda menggunakan losen anda mungkin mengalami:

- Gatal-gatal, ruam, lepuh, terbakar, ketidakselesaan, bengkak, kegatalan dan mengelupas kulit.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Tolnaderm Lotion

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.  
Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.  
Jauhi daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna

Tolnaderm Lotion adalah larutan tiada warna dan boleh didapatkan dalam botol penitis 10ml.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
Setiap botol mengandungi Tolnaftate 1% w/v.

-Bahan-bahan tidak aktif:  
Butylated Hydroxytoluene,  
Polyethylene Glycol 400.

### -Nombor MAL:

MAL19930440X

## Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

03/07/2017

## Nombor Siri:

BPK(R4/1)21062017/00144